



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PINK RIBBON RUN 2025: **PENEKANAN TERHADAP KEPENTINGAN** **AKSES SARINGAN AWAL DAN MENINGKATKAN PENGESANAN** **AWAL KANSER PAYUDARA**

Putrajaya, 25 Oktober 2025 – Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini menganjurkan ***Pink Ribbon Run 2025*** dan disempurnakan oleh **Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Hajah Norashikin** di Dataran Wawasan, Putrajaya.

Acara ini menjadi simbol solidariti dan penutup rasmi kepada kempen Bulan Kesedaran Kanser Payudara 2025 yang telah berlangsung di seluruh negara sepanjang Oktober. Program tahun ini membawa tema **Bersatu Demi Wanita: Sebarkan Kesedaran, Selamatkan Nyawa**, yang menzahirkan semangat perpaduan seluruh masyarakat dalam melindungi wanita Malaysia daripada ancaman kanser payudara.

Menteri Kesihatan, YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad dalam ucapannya menegaskan bahawa **kanser payudara kekal sebagai kanser utama di Malaysia** dengan **50.5% kes masih dikesan pada tahap 3 dan 4**. Ini membuktikan terdapat keperluan dan kepentingan untuk usaha memberikan advokasi dan kesedaran serta saringan awal berhubung penyakit ini.

Pink Ribbon Run 2025 menghimpunkan **900 peserta** daripada pelbagai latar belakang sebagai simbol solidariti perjuangan melawan kanser payudara. Program ini turut menampilkan **promosi kesihatan**, sesi **Sembang Wanita Xtra** serta **pemeriksaan saringan kanser payudara percuma** khususnya untuk kumpulan B40.

Walaupun *Pink October* melabuhkan tirainya, KKM akan meneruskan aktiviti di bawah inisiatif **Post-Pink October** bagi memastikan mesej kesedaran dan aktiviti saringan kanser payudara diteruskan sepanjang tahun sebagai komitmen KKM untuk memperkukuh akses saringan, meningkatkan rawatan dan memastikan setiap wanita di Malaysia mempunyai peluang untuk dikesan serta dirawat dengan lebih awal.

KKM mensasarkan sekurang-kurangnya **20,000 wanita menjalani saringan kanser payudara** sepanjang tempoh Oktober hingga Disember 2025 melalui kempen ini. Sasaran ini selaras dengan komitmen KKM untuk memperluas jaringan dan capaian saringan serta meningkatkan pengesanan awal bagi membolehkan rawatan awal diberi dan berkesan.

KKM juga merakamkan penghargaan kepada semua rakan strategik yang menjayakan kempen ini dan kerjasama erat antara semua pihak membuktikan bahawa **kesedaran dan tindakan bersama** berupaya memperkukuh dan memperkasa program pencegahan dan kawalan kanser serta memperluas capaian saringan kanser payudara di seluruh negara. Ini selaras dengan nilai MADANI - *Kesejahteraan dan Ihsan*.

-TAMAT-

**Dikeluarkan oleh:
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

